

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
(SUNGAI SIPUT)**

SOALAN NO. 224

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah gaji minima RM1,500 akan dilaksanakan, dan apakah cabaran yang dihadapi untuk pelaksanaan gaji minima ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,500 dalam tempoh lima tahun sebagaimana dijanjikan. Kadar gaji minimum akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 25 Akta MPGN 2011 (Akta 732).
2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan memastikan supaya satu *road map* disediakan berkenaan kenaikan gaji minimum kepada RM1,500 dalam tempoh lima tahun sebagai langkah untuk memastikan perancangan teliti perlu dibuat sebelum kadar baru diputuskan oleh Kerajaan. Langkah juga dapat memberi ruang kepada majikan untuk membuat persediaan dan perancangan kewangan sewajarnya;
3. Antara cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan gaji minimum pada masa ini adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 224

- (i) mengimbangkan antara keperluan sara hidup pekerja, kewangan majikan untuk membayar gaji serta memastikan ekonomi negara terus berkembang positif;
- (ii) mencapai objektif gaji minimum, antaranya menggalakkan industri meningkatkan rangkaian pengeluaran dengan melabur dalam teknologi tinggi serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing; dan
- (iii) memastikan pematuhan Perintah Gaji Minimum, terutama di kalangan majikan Perusahaan Kecil dan sederhana (PKS) Mikro.

Tuan Yang di Pertua,

4. Dasar Gaji Minimum ini merupakan dasar yang sensitif. Oleh itu ia perlu dilihat dari perspektif yang lebih luas bukan sekadar melihat dasar ini sebagai dasar untuk membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan, tetapi perlu seiring dengan perkembangan daya saing Negara dan juga ekonomi Negara secara keseluruhannya.